

10/01/1997

Lapan sekolah siap ikut jadual

KOTA KINABALU, Khamis - Enam sekolah menengah dan dua sekolah rendah di Sabah berjaya disiapkan akhir tahun lalu, sekali gus membolehkan sekolah berkenaan menerima pelajar baru awal minggu ini.

Sekolah terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan Semporna 2, Semporna; SMK Pulau Banggi, Kudat; SMK Umas-Umas, Tawau; SMK Lajun, Labuan; SMK Keningau 2, Keningau; dan SMK Kamborongoh, Ranau, manakala dua sekolah rendah terletak di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Dr Hasbollah Mohd Taha, berkata jabatan tidak menghadapi masalah kelewatan menyiapkan bangunan sekolah di negeri itu berikutan pelaksanaan kaedah baru mengawasi dan menyelia projek yang diberikan kepada kontraktor binaan.

"Bagi memastikan projek pembinaan sekolah siap mengikut tempoh ditetapkan, jabatan mengadakan mesyuarat setiap bulan yang dihadiri wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar semalam mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas kegagalan kontraktor menyiapkan pembinaan sekolah mengikut jadual.

Perdana Menteri mahu kontraktor berkenaan lebih serius dengan menyiapkan projek berdasarkan perjanjian mereka dengan kerajaan.

Hasbollah berkata, mesyuarat turut diadakan di tapak pembinaan (sekolah) bagi mengenal pasti dan mengatasi masalah kontraktor terbabit.

Menurutnya, kontraktor yang bermasalah diberi amaran, malah mereka tidak ditawarkan projek lain jika gagal memenuhi syarat ditetapkan oleh jabatan.

(END)